

Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid (PPBM): Ke Arah Memperkasakan Pendidikan Berasaskan Tauhid

Farah Ilyani binti Zakaria¹, Mohd Aderi bin Che Noh² & Khadijah Abdul Razak³

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

zfarahilyani@yahoo.com¹, aderi@ukm.edu.my² & khadijah.razak@ukm.edu.my³

ABSTRACT

Mosque is not only a place of worship. It holds a significant role in the formation of faith and has a strong impact in developing young Muslims. This article aims to explore the concept of Teaching and Learning Based Mosque PPBM) as an approach to empower the faith based education system. Generally, this approach/system aspires to produce human capital whom are holistic, competent and excellent in all aspects of humanity. Nevertheless, there has been deterioration in moral character among adolescents, despite the fact that they have undergone this system of education. Thus, this article attempts to highlight the mosque or surau as a support system predominantly to Islamic education system in order to produce capital Muslims who excel in Fardh Ain and Fardh Kifayah.

Keywords: Teaching and Learning Based Mosque, Islamic education, faith-based education

PENDAHULUAN

Pengimaranan masjid sebagai pusat kegiatan ummah menunjukkan perkembangan yang positif. Menurut Roslan Mohamed (2004), perkembangan tersebut menunjukkan kepentingan peranan institusi tersebut dalam konteks pembangunan modal insan (Nor Atika & Muhammad Yusuf, 2015). Portal Rasmi Masjid di Malaysia mencatatkan terdapat lebih 6434 buah masjid dan 17,712 buah surau yang berdaftar dengan JAKIM di seluruh Malaysia sama ada dalam kedudukannya sebagai masjid negara, masjid negeri, masjid Jamek daerah, masjid institusi, masjid kariah, masjid mukim ataupun surau Jumaat (<http://masjid.islam.gov.my>).

Proses tarbiyyah (pendidikan) ke atas para sahabat telah dilakukan secara komited oleh baginda Nabi S.A.W dalam suasana (*biah*) yang *hasanah* dan *solehah* di masjid. Dengan kata lain, keintelektualan para sahabat telah dijana menerusi sistem pendidikan dalam konteks masjid dalam semua bidang pengetahuan yang diperlukan dalam kehidupan. Justeru, menjadi satu kerugian sekiranya pengaruh institusi masjid tidak diintegrasikan dengan sistem pendidikan masa kini. Walhal Rasulullah S.A.W telah membuktikan tamadun manusia rabbani yang holistik dari aspek jasmani, rohani dan intelektual telah terbina berdasarkan sistem pendidikan berlatarbelakangkan konteks masjid.

Makna ‘masjid’ itu sendiri yang diambil daripada perkataan bahasa Arab iaitu *sajada-yasjudusujudan* yang membawa erti bersujud, tunduk dan merendah diri iaitu dengan meletakkan dahi ke bumi dan dilakukan dengan sengaja (Mohd Nizho, 2004). Konsep sujud yang lebih luas membawa maksud tauhid terhadap Allah S.W.T. sekaligus menunjukkan sinonim masjid sebagai tempat sujud dengan kepercayaan terhadap keesaan Allah. Justeru, hakikat pendidikan berdasarkan masjid bukanlah bererti pendidikan berpusatkan masjid semata-mata tetapi pendidikan berdasarkan tauhid kepada Allah. Peranan yang dimainkan oleh surau atau masjid bukanlah sekadar pusat ibadah semata-mata bahkan juga sebagai “Makmal Pendidikan Islam” untuk menjalankan sebarang aktiviti pendidikan berbentuk teori mahupun amali (Jasmi et al. 2012).

Oleh itu, sejak zaman Nabi S.A.W masjid umpama universiti umat yang menjadi pusat pendidikan al-Quran dan hukum-hakam Islam serta ilmu-ilmu Islam yang lain. Justeru hubungan institusi pendidikan seperti sekolah atau universiti dengan institusi masjid atau surau tidak dapat dipisahkan kerana wujudnya keakraban antara keduanya dalam tamadun ilmu Islam sejak berabad lamanya.

ISU DAN PERMASALAHAN

Masjid dan remaja tidak dapat dipisahkan. Rasulullah S.A.W. melalui hadith baginda melalui riwayat Bukhari dan Muslim telah menyatakan bahawa golongan pemuda yang terikat hatinya dengan masjid adalah di antara tujuh golongan yang akan dinaungi Allah Taala di Padang Mahsyar kelak. Namun, kemerosotan peranan surau-surau di sekolah dan masjid dalam pendidikan islam turut menimbulkan keimbangan. Trend dapatan kajian pada awal tahun 2000 menunjukkan surau sekolah atau masjid berperanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan meningkatkan sahsiah murid. (Ab. Halim et al. 2003; Rusiah, 2006; Ibrahim, 2004; Fakrul Adabi, 2006; Alias, 2008; Mohd Mohadis, 2006). Namun demikian, kajian-kajian terkini oleh Jasmi (2011), Rosli (2011) dan Bani Hidayat et al. (2014) menunjukkan kemerosotannya sehingga kepada tahap sederhana rendah. Namun di empat zon di semenanjung Malaysia, persepsi pelajar terhadap fungsi surau sekolah sebagai pusat P&P pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dengan skor min tahap pada tinggi iaitu 4.26 dan sp=0.457 (Bani Hidayat, 2014). Ini menunjukkan kepercayaan pelajar yang tinggi terhadap surau sekolah atau masjid bukan sekadar tempat mendirikan solat malah sebagai medan penyuburan pendidikan Islam secara teori dan praktikal. Ini turut menimbulkan persoalan bagaimana masjid dapat memainkan peranan yang lebih luas dalam konteks masyarakat yang lebih umum.

Kongres Pendidikan Melayu 2001 pula menyimpulkan bahawa kurikulum mata pelajaran Agama Islam pada semua peringkat pendidikan perlu dikaji semula dengan memberikan tumpuan kepada aspek amalan, pembinaan rohani, pengukuhan akidah mengimbangi tanggungjawab fardhu ain dan fardhu kifayah serta tidak sekadar tertumpu kepada aspek penyampaian ilmu untuk memenuhi sasaran akademik sahaja. Resolusi kongres ini juga mengesyorkan surau atau kemudahan tempat sembahyang hendaklah disediakan di sekolah, maktab dan institut pengajian tinggi maka PPBM merupakan satu pendekatan alternatif yang dapat memperkasakan pendidikan Islam melalui penghayatan ketauhidan terhadap Allah S.W.T (Rosnani, 2001).

Masjid seharusnya jelas tentang agendanya mendidik masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Namun demikian, fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Islam amat membimbangkan. Polis Diraja Malaysia (2008) melaporkan masalah keruntuhan akidah dan sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas sebagai seorang Islam telah menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi masyarakat terhadap pendidikan Islam khususnya dan matlamat pendidikan amnya. Menurut Mohd Khairi et al. (2016) statistik kes salah laku yang berlaku adalah bersangkutan dengan kegagalan dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja terutamanya pelajar sekolah. Justeru, Masjid seharusnya tidak menjadi figur yang bisu dalam menangani isu dan permasalahan remaja ini. Kolaborasi antara masjid dan sekolah merupakan satu usaha kolaborasi yang sangat bermanfaat sekiranya dioptimumkan.


Antara faktor keruntuhan akhlak pelajar ialah hilangnya penghayatan nilai-nilai tauhid dalam pendidikan masa kini. Kesan daripada pendidikan tidak berasaskan tauhid, dualisme semakin menyumbang terhadap kepincangan penghayatan beragama dalam kalangan pelajar. F.W.H.

Kee dan G.Y. Hean (1972) dan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1984) berpendapat pendidikan berasaskan tauhid merupakan jawapan untuk memecahkan tembok dualisme yang wujud di tengah-tengah dunia pendidikan hasil tinggalan penjajah. Sekiranya pendidikan tidak berpaksikan teras yang hakiki berterusan, ketidakseimbangan dan ketidaksepadan akan terus berlaku di dalam pengajian ilmu akliyah dan ilmu wahyu. Kesannya, pendidikan sekularisme yang tidak berteraskan akidah tidak mempunyai pusat atau teras, dan tidak juga mencerminkan ilmu atau insan (Rosnani, 2001). Berlakulah pemetaan pelbagai cabang ilmu seperti sains tabii, sains sosial, sains gunaan, sains kemanusiaan dan sains fardhu ain tanpa sebarang pusat untuk mengikat dan menyatukan kesemuanya. Malahan setiap petak ilmu tersebut mempertahankan kemerdekaannya sehingga mengenepikan akidah untuk dijadikan teras bagi ilmu tersebut. Justeru, masjid seharusnya yang bukan sekadar '*a house of worship*' tetapi sebagai makmal pendidikan rohani yang berpotensi melahirkan penghayatan berasaskan tauhid dalam ruang lingkup yang bersepadan secara harmoni (Mohd Ismail & Kamarul Jasmi, 2008).

Isu ketidaksepadan antara teori dan amali turut menggagalkan matlamat pendidikan islam yang sebenar. Muhammad Iqbal mengkritik pendidikan moden iaitu bagaimana kejayaan saintifik membolehkan manusia menguasai angkasa lepas dan terbang di angkasa tetapi malangnya ia terangkat daripada tempat berpijaknya dan memisahkanya daripada akar umbi rohaniahnya (Uthman El-Muhammady, 2000). Oleh itu, Mohammad Tajuddin (1999) mengesyorkan kurikulum ataupun pengisian akademik di masjid seharusnya memenuhi beberapa matlamat penting dalam membentuk seorang muslim yang berilmu, berakhhlak, beribadah, bertanggungjawab dan berkeperibadian tinggi. Oleh itu, cadangan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid (PPBM) ini merupakan satu alternatif untuk memperkasakan pendidikan berasaskan tauhid (*faith-based education*). Ia bermaksud menjadikan tauhid sebagai asas ilmu sekaligus memperjelaskan konsep tauhid sebagai suatu konsep yang komprehensif dan praktikal dalam kehidupan muslim sehari-hari.

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual kertas cadangan ini berasaskan dua konsep major iaitu pengajaran dan pembelajaran berasaskan masjid dan pendidikan berasaskan tauhid. Teori Ekologi Manusia daripada Bronfenbrenner (1979) mengatakan bahawa perkembangan manusia dan tingkah lakunya dipengaruhi oleh unsur-unsur persekitaran terhampir seperti hasil interaksi dengan konteks yang paling hampir dengan mereka iaitu ibu bapa dan dikuti oleh rakan sebaya serta pengaruh ahli masyarakat yang lain. Terdapat lima struktur asas sistem dalam konsep ekologi Bronfenbrenner ini iaitu sistem mikrosistem, mesosistem, exosistem, makrosistem dan kronosistem. Kelima-lima sistem ini berlapis-lapis disebut sebagai *complex layers of environment* sebagaimana Rajah 1. Bermula daripada sistem mikro adalah keluarga sehingga kepada sistem makro dan krono yang terdiri daripada budaya, gaya hidup dan masyarakat tempat seseorang itu berada. Oleh itu, keseluruhan sistem tersebut saling mempengaruhi dan memberikan dampak sosial terhadap perkembangan pelajar. Justeru, seluruh komponen sistem memberi pengaruh terhadap pendidikan anak-anak secara holistik.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian berdasarkan Teori Ekologi Brofenbrenner (1979) dan Pendidikan Berasaskan Tauhid

Berasaskan teori ini, kertas konsep ini mengemukakan masjid sebagai institusi yang berupaya memperkasakan pendidikan berdasarkan tauhid sesuai kredibilitinya sebagai *one stop community centre* merangkumi pusat ibadah, pusat ilmu, pusat kebudayaan, pusat kemasyarakatan dan sebagainya. Agenda masjid sebagai sebuah institusi perlu bergabung tenaga dengan agenda institusi pendidikan rasmi seperti sekolah, universiti dan sebagainya. Ini kerana menurut teori ekologi ini, institusi masjid dan sekolah sebagai institusi pendidikan berada dalam lingkungan sosial dan lapisan sistem ekologi yang sama iaitu eksosistem. Eksosistem bermaksud pengalaman dengan persekitaran yang tidak melibatkan pelajar secara langsung tetapi keputusan yang diambil dalam persekitaran tersebut mempengaruhi perkembangan sosial mereka.

PENDIDIKAN BERASASKAN TAUHID

Aqidah Islam adalah akidah yang bersumberkan ketuhanan (*akidah Rabbaniyyah*). Ia bersifat tetap, syumul, menyeluruh dan fitrah (Mohd Sulaiman, 1985). Pendidikan berdasarkan tauhid bermaksud pendidikan yang berpaksikan tauhid kepada Allah. Dengan kata lain, sehebat mana pun sesuatu ilmu itu berkembang, ia perlu kembali kepada neraca yang hakiki iaitu ketauhidan

kepada Allah S.W.T. Sebagaimana kata-kata al-Faruqi (1992) “....without *Tauhid*, therefore can be no Islam”. Ini bertepatan dengan kenyataan S.S. Hossein dan S.A Ashraf (1979) yang menyatakan dengan jelas bahawa matlamat terunggul pendidikan Islam yang ingin dicapai ialah ketundukan sepenuhnya kepada Allah.


Perkaitan antara pendidikan dengan kekuatan akidah yang menjadi objektif pendidikan turut dihuraikan dengan jelas oleh Syed Ali Ashraf (1988: 74):

“Faith and knowledge must go hand in hand. Faith is a spiritual gift and knowledge in an intellectual acquisition through the use of man’s intellect ‘aql..... Islam does not allow the Muslims to dichotomize life and divide it into that which belongs to God (Divine) and that which belongs to Caesar (secular). Islam wants education to be a process in which curriculum and teaching methods help each individual to unfold its own unique potentiality as a representative of God on the earth”.

Pendidikan bersepadu berfungsi untuk memperkembangkan daya keintelektualan yang berasaskan tauhid. Matlamat pendidikan bersepadu iaitu pembinaan dan pemantapan pendidikan yang dimulakan dengan kekuatan akidah. Natijah daripada kekuatan akidah akan terzahirlah tingkah laku yang baik (nilai murni atau moral). Nilai-nilai murni ini kemudian dihayati dalam pembinaan kognitif (intelek), afektif (sikap) dan psikomotor (kemahiran) (Zakaria Din & Ab. Halim, 2010). Perumpamaan hubungan antara akidah dan ilmu seperti permainan layang-layang. Akidah dikiaskan kepada tali lelayang sementara ilmu dikiaskan kepada lelayang itu sendiri. Jika akidah rosak, ilmu tidak lagi mempunyai haluan umpama lelayang yang terbang bebas apabila putus talinya dan akhirnya akan jatuh ke bumi juga (Al-Attas, 1990).

Pendidikan Islam memerlukan model-model pembangunan pendidikan Islam yang seiring dengan matlamat pembinaan *khaira ummah*. Justeru, Ab. Halim (2015) mengemukakan kepentingan pembinaan model-model pengajaran dan pembelajaran berasaskan tauhid sebagai langkah mewujudkan piawai sistem pendidikan Islam yang berkualiti. Terdapat beberapa model tauhid dalam pendidikan sebelum ini yang pernah diutarakan iaitu Model Nukleitik oleh Tunku Sarah 1997 (Shahrin, 2002) dan Model Nukleitik Pembangunan Insan (Tajul Ariffin, et al. 1998) untuk menggambarkan hubungan akidah sebagai nukleus dengan ibadah dan akhlak. Ini bermaksud paradigma tauhid yang bersifat nukleitik mempunyai pengaruh, berfungsi dan menjadi teras seperti nukleus yang terdapat dalam sel yang mempengaruhi seluruh sistem organisma hidup. Kedua-dua model ini digubal daripada konsep asas Islam yang berteraskan akidah, ibadah dan akhlak dan diikuti oleh segitiga Falsafah Pendidikan Islam yang menekankan tasawwur terhadap Allah, manusia dan alam. Model ini disesuaikan mengikut pemikiran Imam Hassan Al-Banna, Yusuf al-Qardhawi dan Omar al-Syaibany serta rujukan model pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) 1987 (Tajul Ariffin et al. 1998).

Rangka rujukan tauhid dalam kurikulum pendidikan ialah al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama di samping ilmu akal sebagai sumber sekunder. Manakala piawaian tauhid dalam kurikulum pendidikan perlu dikenalpasti secara jelas kerana kegagalan mengenal pasti apakah piawaian terbaik bagi segala usaha pendidikan akan menyebabkan matlamat dan proses pendidikan itu sendiri menjadi kabur atau tidak tepat. Al-Quran menggariskan piawaian tauhid dalam pendidikan dan pembangunan manusia sebagai *Al-Iman (Al-Mukminun)*, *Al-Ihsan (Al-Muhsinun)* dan *Al-Taqwa (Al-Muttaqun)* (Shahrin 2002).



Rajah 2: Model Nukleitik Pembangunan Insan (Tajul Ariffin Nordin et al. 1998)

Ini bermaksud, masjid berperanan sebagai nukleus yang memberi impak kepada keutuhan akidah di dalam sesebuah institusi masyarakat. Ini selari dengan Rosnani (2001) yang menggariskan beberapa konsep Islam yang perlu diserapkan ke dalam kurikulum institusi pendidikan berpaksikan pandangan Islam terhadap Pencipta. Antaranya ialah tauhid, iman dan sifat Allah, penciptaan manusia dan tujuannya iaitu untuk menyembah Allah, menjadi khalifahNya, mengajak kepada ma'ruf dan mencegah mungkar, dan menyebarkan ajaran Islam, hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dan persekitarannya, pembangunan diri iaitu menyediakan ruang untuk bermuhasabah, bertaubat dan memperbaiki diri dan seterusnya mengembangkan tatasusila (*ethos*) Islam supaya dapat membina persekitaran yang sejawa dengan Islam.

MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN

Fungsi masjid sebagai pusat pendidikan telah mencatat sejarah yang panjang di dalam perkembangan pendidikan Islam. Institusi masjid telah menjadi sebuah pusat pendidikan yang lebih sistematik apabila tempat belajar yang didirikan bersambung dengan masjid dikenali sebagai *al-Suffah*. Seterusnya tercetus pula usaha untuk membina tempat khusus berdasarkan pengajian tetap, rasmi dan sistematis (Mohd Ismail & Kamarul Jasmi, 2008). Sehingga itu masjid pemangkin kewujudan madrasah dan universiti (pusat pengajian tinggi) pada abad-abad ke-4 H atau ke-10 M dan ke-5 H atau ke-11 M.

Sayyed Hossein Nasr (1984) menyimpulkan bahawa masjid telah mula berfungsi sebagai sekolah pada zaman khalifah Umar bin al-Khattab lagi. Pada waktu itu, pendidikan di masjid terbatas kepada pengajian al-Quran dan al-Hadith. Kemudian perkembangan tamadun Islam membuktikan bahawa masjid turut menawarkan bidang kajian yang jauh bervariasi mencakupi bidang tafsir, fiqh, kalam, bahasa Arab, sastera, astronomi dan kedoktoran. Contohnya, pada abad ke 3-5H/9-11M, masjid memainkan peranan sebagai pusat pendidikan yang penting yang mana meliputi ketiga-tiga peringkat pendidikan iaitu asas, menengah dan tinggi. Justeru, kurikulumnya juga meliputi pelbagai bidang selaras dengan keperluan masyarakat. Menurut Zulkiflee (2002), masjid telah menghimpunkan dua kurikulum ilmu iaitu ilmu *naqliyyah* dan '*aqliyyah*. Ilmu-ilmu keagamaan seperti al-Quran, al-Hadith, fiqh, aqidah, tafsir, sirah, tarikh dan sebagainya berintegrasi dengan ilmu-ilmu logik, sains tabi'i, metafizik, geometri matematik, kejuruteraan, astronomi, perubatan dan lain-lain lagi (Ahmad Shalabi, 1954; al-Bahi, 1964; Ahmad Hufi, 1970).

Di samping itu, diskusi ilmuan secara kolektif atau *intellectual discourse* berlaku di masjid-masjid. Ini menunjukkan bahawa masjid sebagai institusi pendidikan Islam berupaya melahirkan golongan intelektual yang mampu bertindak menggunakan daya intelektual yang kritikal (Azra Azyumardi, 1998). Latihan intelektual ini membolehkan ilmu berkembang secara bersepada dan menyeluruh (Alias, 2008). Ini menunjukkan amalan pedagogi yang diamalkan pada zaman kegemilangan Islam amat menekankan kepada proses latihan budaya berfikir yang kritikal.

Di samping itu, masjid melakukan peranan yang bertentangan dengan fungsi rumah atau keluarga yang bersifat individu dan agak kurang sesuai sebagai institusi terbuka untuk pertemuan umum. Justeru, menurut Mohd Ismail dan Kamarul Jasmi (2008), tempat pembelajaran yang paling utama dan berkesan adalah masjid kerana belajar di dalamnya dapat menghidupkan sunnah serta menghapuskan bidaah, hukum-hukum Allah S.W.T. dapat dipelajari dan diamalkan. Masjid dapat menyediakan keperluan yang cukup kerana ia menjadi tempat pertemuan umum bagi semua lapisan masyarakat. Bertepatan kajian Umair Uddin & Badshah Rehman (2014) yang menjelaskan peranan masjid dalam masyarakat sebagai pusat Islam, iaitu berperanan sebagai nadi penggerak dakwah Islamiah dalam masyarakat, sebagai mahkamah, iaitu segala aduan dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat dirujuk kepada imam khususnya dalam hal-hal berkaitan agama. Ketiga, masjid sebagai pusat pendidikan, iaitu semua dijemput hadir tanpa mengira usia, jantina, status, warna kulit dan sebagainya. Masjid berfungsi 24 jam sehari tanpa halangan kepada pengunjung.

Menurut S. Salahudin dan Mujaini (2005), peranan masjid diperlukan untuk menyebarkan pendidikan Islam yang syumul serta lengkap, terancang dan terpimpin lebih-lebih lagi dalam mengharungi dunia tanpa sempadan. Namun demikian isu penggunaan masjid yang terhad kepada fungsi solat dan ceramah agama semata-mata mengurangkan peranan sebenar masjid sebagai pusat pendidikan (Mohd Nizho, 2004). Institusi masjid yang tidak dapat menjadi pusat pendidikan integrative dan tidak dapat menampilkan kesepaduan antara ilmu yang dipelajari di sekolah dengan apa yang diperolehi melalui aktiviti di masjid. Apabila masjid diiktiraf sebagai pusat pendidikan, keberadaan masjid seharusnya memberi kesan kepada sistem pendidikan formal. Apa yang dipelajari di sekolah seharusnya mempunyai kesinambungan melalui aktiviti amali atau perbahasan intelektual.

Menurut Teori Ekologi Manusia (Bronfenbrenner 1979), perkembangan manusia dan tingkah lakunya dipengaruhi oleh unsur-unsur persekitaran terhampir. Namun begitu, walaupun kepentingan masjid sebagai institusi pendidikan tidak formal dalam masyarakat amat jelas, masih kurang kajian berkaitan pengaruhnya terhadap pembentukan akhlak dan penghayatan beragama dalam kalangan pelajar (Rohana et al. 2016). Bahkan kajian-kajian lepas tentang penghayatan akhlak Islam banyak memberi tumpuan kepada pendidikan Islam secara formal di sekolah (Azhar, 2006; Ahmad Munawar, 2009; dan Dearana, 2010). Kajian yang melibatkan pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya dalam bentuk lapangan pula hanya tertumpu pada peranan ibu bapa sebagai model dalam penghayatan akhlak Islam (Azhar, 2006; Ahmad Munawar, 2009; Dearana, 2010).

MASJID MEMPERKASAKAN PENDIDIKAN BERASASKAN TAUHID

PPBM merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan premis, bersifat kontekstual dan tidak formal yang amat dekat dengan penyuburan tauhid terhadap Allah. Dapatkan kajian Rohana et al. (2016) dan Mohd Khairi et al. (2013) memberi implikasi bahawa proses membentuk belia yang berakhlak mulia memerlukan kesepaduan antara pendidikan

secara formal dan tidak formal. Proses pembelajaran secara tidak formal yang dilalui bersama masyarakat, perlu diberi perhatian serius kerana tempoh masa yang dihabiskan bersama masyarakat adalah lebih panjang berbanding masa yang diluangkan dalam pendidikan formal. Namun, kajian Mohd Mahzan et al. (2008) yang mendapati para pelajar mempunyai persepsi dan sikap yang dingin terhadap surau. Ini menunjukkan longgarnya keterikatan sosial masyarakat kini dengan surau atau masjid sebagai institusi yang penting di dalam tradisi keilmuan Islam.

Dalam usaha memperkasakan PPBM sebagai satu inovasi kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, kita dapat melihat contoh-contoh pendekatan pembelajaran yang lain seperti Pembelajaran Berasaskan Komputer (PBK) dan Pengajaran Berasaskan Pusat Sumber Sekolah (PBPSS). Dalam konteks PBK, penggunaan komputer dalam pendidikan boleh diimplementasikan dalam pelbagai corak interaksi seperti tutorial, latih tubi, latihan, simulasi, penyelesaian masalah, permainan pendidikan, demonstrasi, komunikasi, pengujian, penyampaian maklumat dan pengurusan pembelajaran. Pelajar akan melalui sesi pembelajaran dengan menggunakan perisian yang disediakan oleh guru mengikut rancangan pengajaran harian yang telah ditetapkan berupa beberapa perisian dan CD ROM contohnya *e-bahan*. Pelajar juga boleh mencari pelbagai maklumat yang berkaitan melalui pelbagai enjin pencari seperti *google*, *yahoo* dan sebagainya (Ab. Halim et al, 2010). Begitu juga Pengajaran Berasaskan Pusat Sumber Sekolah (PBPSS) yang bertujuan untuk melatih pelajar mengenai kemahiran mendapatkan maklumat daripada pusat sumber sekolah (Rashidi & Abdul Razak, 1998). Di makmal-makmal sains pula pelajar akan menjalankan pelbagai ujikaji secara praktikal bagi mendapatkan dapatan sains yang empirikal bagi memahami konsep-konsep yang dipelajari.

Manakala PPBM pula menjadi satu alternatif pendekatan pembelajaran yang berpotensi dalam konteks pendidikan kemasyarakatan. Peranan masjid sebagai pendokong tanggungjawab sosial dseharusnya dieksplorasi oleh dunia pendidikan untuk merangka agenda pentarbiyan dengan mewujudkan keterikatan hubungan yang mantap di antara masjid dengan institusi pendidikan seperti sekolah, universiti, kolej dan sebagainya. Dengan ini, generasi yang lahir daripada didikan berdasarkan masjid merupakan *khalifatullah fil ardh* yang memahami tanggungjawab sosialnya. Ini kerana PPBM berupaya menanamkan kepercayaan bahawa alam dan manusia tidak terpisah daripada Allah S.W.T. Ini amat berbeza dengan model pembangunan ketamadunan Yunani kuno dan pemikiran ahli psikologi sekular yang menekankan kepada aspek pembangunan akal rasional yang bebas daripada pautan akidah terhadap Allah S.W.T., sehingga golongan ini menampilkan aspek kerohanian yang longgar dan akhlak yang tidak bermoral (Wan Mohd Nor, 2003).

Justeru, dalam mengemukakan idea PPBM sebagai alternatif terbaik dalam memperkasakan pendidikan berasaskan tauhid, penulis mengemukakan cadangan Syed Othman al-Habsyi (1997) agar institusi pendidikan yang paling penting harus didirikan berhampiran dengan masjid supaya ia boleh menjana para ilmuwan yang benar-benar dikuasai oleh pandangan hidup Islam. Begitu juga, kajian-kajian berkaitan komunikasi atau keterlibatan antara pengurusan masjid dan institusi pendidikan seharusnya diperbanyakkan. Ini kerana dua faktor didapati menjadi penyumbang terhadap kegagalan surau atau masjid dalam memainkan peranannya sebagai institusi sosial yang berkesan iaitu pertama; wujud jurang komunikasi antara pentadbir surau dengan para jemaah. Kedua; wujud masalah kerenggan hubungan antara pihak pengurusan surau dengan para jemaah yang terdiri daripada pelajar (Mahzan et al. 2008). Kajian tersebut mendapati peluang para pelajar untuk melibatkan diri di dalam pengurusan masjid adalah terbatas walaupun mempunyai tahap kesediaan yang tinggi .

Kesimpulannya, PPBM merupakan alternatif terbaik melahirkan individu muslim yang dapat menghayati ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Ini selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam iaitu melahirkan insan yang kamil dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia 2005).

MASJID MEDAN APLIKASI TEORI MELALUI AMALAN

Fenomena keruntuhan akhlak dan sahsiah pelajar muslim yang begitu membimbangkan. Isu penghayatan dan pengamalan pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sering menjadi punca pelbagai dapatan kajian berkaitan tentang akhlak (Harery Abu Saad, 2007). Menurut Saemah Rahman & Zarin Ismail (2005) aspek rohani tidak hanya dikaitkan dengan rutin keagamaan sahaja tetapi meliputi aktiviti-aktiviti lain dalam kehidupan. Ini kerana akidah dan tauhid berkaitan dengan seluruh kehidupan tidak terhad kepada amalan-amalan keagamaan yang wajib sahaja. Isu ini turut diutarakan oleh Rosnani (2001) yang menyatakan bahawa kurikulum masa kini belum mampu menyediakan pengalaman pembelajaran yang jitu, sesuai dan mencukupi bagi pelajar supaya objektif pendidikan selain daripada objektif pembangunan intelektual dan jasmani. Contohnya, berkaitan dengan pembangunan rohani, walaupun pelajar diajar kepentingan solat, cara-cara untuk mendirikannya, waktu-waktunya dan sebagainya, kurikulum sekolah secara tidak langsung tidak menggalakkan pelajar mendirikan sembahyang atas alasan tidak ditentukan di dalam jadual waktu, tidak diaturkan peraturan tertentu atau dalam beberapa kes tidak disediakan kemudahan fizikal. Permasalahan ini bertepatan dengan kenyataan Zakiah (2001) bahawa kita perlu mewujudkan persekitaran yang sempurna bagi membolehkan berkembangnya potensi beragama yang terdapat dalam diri individu.

Kesimpulannya, PPBM membawa dimensi baru di dalam dunia pendidikan dengan menjadikan masjid sebagai makmal latihan ataupun medan bagi mendidik jasmani, emosi, rohani dan intelektual pelajar muslim. Semua ini akan dapat dicapai sekiranya roh pembinaan masjid sebagai rumah Allah dihayati dengan sebenar-benarnya.

PENUTUP

Paradigma tauhid merupakan kerangka yang cukup utuh menunjang arah tuju sesebuah dimensi pendidikan. Ini kerana pendidikan yang bersifat rabbani akan melahirkan masyarakat madani yang berilmu, beriman dan bertakwa hasil cerminan kekuatan akidah terhadap Allah S.W.T.

Syed Muhammad Naquib al-Attas berpendapat kurikulum seharusnya bersifat memenuhi keperluan yang bersifat kekal dan spiritual dan juga memenuhi keperluan material serta emosi (Wan Mohd Nor, 2005). Justeru, PPBM merupakan satu alternatif terbaik dalam memperkasakan pendidikan berasaskan tauhid sesuai dengan peranan utama masjid sebagai pusat ibadah di samping peranan-peranan lain yang banyak menyelesaikan permasalahan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Perancang pendidikan kita juga seharusnya lebih sensitif dan memiliki keberanian untuk memperkasakan pendidikan berasaskan tauhid melalui PPBM.

Justeru, cadangan PPBM ini dapat mendekatkan jasad, roh dan akal masyarakat amnya dan remaja pelajar khususnya dengan masjid atau surau. PPBM yang mampu merealisasikan asas tauhid yang komprehensif di dalam agenda pendidikan negara. Sekaligus mewujudkan satu lagi model berimpact tinggi dalam mempiawaikan sistem pendidikan islam yang berkualiti tinggi.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ab. Halim Tamuri. (2015). *Standardization of Islamic Education Excellence in The World. Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(2), 2015 109-120, e-ISSN: 2289-960X*
- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin & Tajul Ariffin Nordin. (2003). *Fungsi surau dan keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam : Satu kajian di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin. (2010). *Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan Inovasi.* Dalam *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam.* Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Munawar, I. (2009). “*Pengaruh Akidah terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan.* Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ahmad Shalabi. (1954). *History of Muslim Education.* Beirut: Dar al-Kasyaf.
- Al-Bahi, Muhammad. 1964. *Al-Azhar, Tarikhuhu wa tatawwuruhu.* Al-Qahirah: Wizarat al-Awqaf wa Syu'un al-Azhar.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1400H). *Sahih al-Bukhari.* Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah. c.1.
- Al-Faruqi, I. R. (1992). *Al Tawhid: Its Implications for Thought and Life.* Internatinoal Institute of Islamic ThoughtHerndon VA
- Al-Hufi, Ahmad Muhammad. (1970). *Al-Tabari.* Misr: Matabi' al-Ahram al-Tijariyyah.
- Alias Abdullah. (2008). *Program masjid di Kuala Terengganu: Kajian tentang keberkesanannya.* Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Alias Azhar. (2008). *Reformasi sistem pendidikan Islam di Malaysia: Perspektif pengajaran Syariah. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6: Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan.* Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Azhar, A. (2006). “*Strategi Pembelajaran Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan.* Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Azra Azyumardi. (1998). *Esei-esei intelektual muslim dan pendidikan Islam.* Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nor Hayati Fatmi Talib. (2014). *Persepsi Murid Terhadap Penggunaan Surau Sekolah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. The Online Journal of Islamic Education January 2014, Vol. 2 Issue 1.*
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani Persepsi. (2014). *Pelajar Terhadap Fungsi Surau Sekolah Sebagai Pusat Pendidikan Di Sekolah Menengah Kebangsaan. Jurnal of Al-Quran and Tarbiyyah, Vol 1(1) 2014 : 17-24. e-ISSN : 2289-6171*
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design.* Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Buku Laporan Kongres Pendidikan Melayu.* (2001). 1-2 September 2001 Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Terbitan Jawatankuasa Kongres Pendidikan Melayu
- Dearana, M. (2010). “*Hubungan Ibadah Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar: Kajian di Bahagian Miri, Sarawak*”. *Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.* Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

- F.W.H Kee dan G.Y. Kean. (1972). *Perspective: The development of education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Asia Ltd.
- Fakrul Adabi. (2006). *Kelas Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat Tentang Persepsi Masyarakat Dan Keberkesanannya*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Harery Abu Saad. (2007). *Perkaitan Penghayatan Akhlak, Sikap Terhadap Sains, Pencapaian Dan Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Dalam Konteks Pembangunan Modal Insan Bersepadu Dalam Bidang Sains Dan Teknologi di SMKA*. Tesis Doktor Falsafah Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi Amin. (2011). *Penggunaan Surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Sekolah Menengah kebangsaan di Negeri Melaka*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi Amin, Rosli Ibrahim dan Saharia. (2012). *Penggunaan surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan negeri Melaka*. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012) 707-730. Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2005. *Panduan perlaksanaan amali Pendidikan Islam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid & Samsilah Roslan. (2013). *Hubungan faktor-faktor sosial dengan penghayatan nilai murni pelajar*. Journal of Applied Research in Education, 17: 56-76. ISSN 1996-9945; ESSN: 2310-3477
- Mohamad Khairi Haji Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim, Alis Puteh, Muhamad Dzahir Kasa, NurFasihah Roslan. (2016). *Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar*. Sains Humanika 8: 4-2 (2016) 9–16. e-ISSN ISSN: 2289-6996
- Mohd Mohadis Hj. Yasin. (1997). *Pengurusan Dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes Di Negeri Melaka*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Mohd Ismail Mustari & Kamarul Jasmi. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3.
- Mohd Mahzan Awang, Sayuti Abd. Ghani, Che Pee Saad & Md. Sabri Adnan. (2008). Surau sebagai institusi sosial ke arah pembangunan insan: Kajian kes di institusi pengajian tinggi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6 : Pendidikan Islam Teras Pembangunan Modal Insan. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohd Nizho Abdul Rahman, Md. Zain Mohamad Khadafi Haji Rofie dan Mohd Khairul Anwar Osman. (2004). *Masjid sebagai pusat perkembangan ilmu: Faktor-faktor penyumbang kepada penarikan minat menghadiri majlis ilmu*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004. Anjuran Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar UUM. 25 – 27.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1985). *Islam dan Akidah: Satu Pengantar*. Subang Jaya: Percetakan al-Qamari.
- Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi. 1999.. *Peranan, kurikulum dan reka bentuk masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat*. Skudai: UTM.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2000). Pendidikan Islam Menurut Al-Nadwi: Satu Analisis. Dalam *Jurnal Pendidikan Islam* Jilid 9. Bil. 1 Julai 2000. Kuala Lumpur: IPI – ABIM.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (1997). *Institusi masjid yang bersifat futuristik. Pemantapan institusi masjid: Wasilah ke arah kecemerlangan umat*. Kuala Lumpur: INMIND.

- Nasr, Seyyed Hossein. (1984). *Science and civilization in Islam*. Ed. Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Nor Atika Binti Saridin dan Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2015). *Pengurusan masjid dalam konteks kontemporari. Prosiding INTERNATIONAL CONFERENCE ON DAK'WAH 2015 (ICoD 2015)* : 423-433. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universitas Islam Negeri Sumatera Utara.
- Polis Diraja Malaysia. 2008. *Statistik Jenayah Indeks 2005-2007*. <http://japim.edu.my>
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin & Andi Suwirta. (2016). "Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.1(1), February, pp.55-66. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2443 -1776.
- Roslan Mohamed. (2004). *Memperkasakan Masjid sebagai institusi pembangunan insan*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Masjid pada 25 – 27 September, anjuran Pusat Islam, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (pnyt.). (2008). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai: Penerbit UiTM.
- Rosli Ibrahim. (2011). *Penilaian pelajar terhadap fungsi surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Menengah Harian di Daerah Pasir Mas Kelantan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnani Hashim. (2001). *Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam Dalam Konteks Pendidikan di Malaysia*. Dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 9. Bil. 4, November 2001. Selangor: IPI- ABIM.
- Rusiah Saad. (2006). *Surau sekolah sebagai wadah pendidikan*. Tesis sarjana pengajian Islam, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S.Salahudin Suyurno & Mujaini Tarimin. (2005). *Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat: Peranan institusi masjid di era dunia tanpa sempadan. Prosiding wacana Pendidikan Islam Siri 4: Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejagat*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Saemah Rahman & Zarin Ismail. (2005). *Penyepadan aspek perkembangan emosi dalam pembangunan kerohanian pelajar: Satu cadangan. Prosiding wacana Pendidikan Islam Siri 4 anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia : Pendidikan Islam Ke arah Kemanusiaan Sejagat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahrin Awaludin. (2002). *Paradigma Tauhid: Nukleus Kurikulum Pendidikan Islam*. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1 "Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Ali Ashraf. (1988). *A View of Education – Islamic Perspective in O'Keefe*, Bernadette (ed.), *School for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*, Sussex: The Falmer Press.
- Syed Hossein Nasr. (1984). *Science and civilization in Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1984). *The correct date of the Trengganu Inscription (2nd ed)*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Syed Othman al-Habsyi. (1997). *Institusi Masjid Penggerak Tamadun Islam. Pemantapan Institusi Masjid: Wasilah ke arah kecemerlangan umat*. Kuala Lumpur: INMIND.
- Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf. (1979). *Crisis in Muslim Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Tajul Ariffin Noordin, Mohd Arif Hj. Ismail, Shahrin Awaluddin. (1998). *Satu pendekatan untuk memahami pembangunan manusia berdasarkan paradigma Tauhid. Projek Penyelidikan G5/98*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Tunku Sarah Tunku Mohd Jiwa. (1997). *Pembinaan model penerapan nilai di dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi*. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan UKM.
- Umair Uddin & BadshahRehman. (2014). *Role of Masjid in Society: Issues and Challenges. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2003). *Budaya Ilmu: Satu penjelasan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Falsafah dan amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu huraiān konsep asli islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zakaria Din @ Nasirudin & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Pendekatan Bersepadu Pengajaran dan Pembelajaran Akidah*. Dalam *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zakiah Binti Haji Taib. (2001). *Pengajaran Tauhid di Negara Brunei Darussalam: Kajian Perbandingan Di Sekolah Menengah Arab Kementerian Hal Ehwal Ugama Dan Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan*. *Disertasi Sarjana Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Zulkiflee bin Haron. (2002). Sistem dan kurikulum pendidikan dalam tamadun Islam: Kajian Sekitar Abad 3 – 5 H/ 9 – 11 M. *Disertasi Sarjana Pengajian Islam*. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.